

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON
(IPOH BARAT)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON [IPOH BARAT]

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- (a) apakah kesan negatif yang disebabkan oleh GST terhadap perniagaan dan ekonomi negara; dan
- (b) adakah GST akan dimansuhkan jika tidak , mengapa tidak.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kenaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) tidak akan memberi kesan kepada peniaga di dalam penentuan margin

keuntungan kerana GST tidak akan menjadi kos tambahan kepada syarikat. Ini kerana peniaga boleh menuntut semula GST yang dibayar ke atas input perniagaan bagi bekalan bercukai, manakala bagi bekalan yang dikecualikan, ianya boleh dipindahkan dalam bentuk harga jualan yang mana komponen GST terlibat adalah ditanggung oleh pengguna. Melalui pendekatan tersebut, margin keuntungan syarikat dapat dikekalkan.

2. Bagi syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang tidak berdaftar GST pula, walaupun syarikat tersebut tidak dapat menuntut kredit ke atas cukai input, mereka masih boleh menuntut amaun GST yang telah dibayar tersebut sebagai potongan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967. Dengan itu, komponen kos GST yang terlibat tidak merupakan tanggungan PKS yang boleh menjejaskan keuntungannya.

1. Pelaksanaan GST adalah sejajar dengan usaha mempelbagaikan sumber hasil terutamanya hasil cukai dan mengurangkan kebergantungan kepada hasil berasaskan komoditi, khususnya petroleum. GST bukanlah cukai baharu tetapi adalah cukai yang menggantikan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST). GST juga dapat meningkatkan kecekapan,

ketelusan serta memberi kesaksamaan dan mesra perniagaan. Kutipan GST pada tahun 2015 berjumlah RM27 bilion dan jauh lebih tinggi daripada kutipan SST pada tahun 2014 yang berjumlah RM17.2 bilion. Bagi tahun 2016 pula, kutipan GST dianggarkan sebanyak RM38.5 bilion dan diunjur terus meningkat kepada RM40 bilion pada tahun 2017.

1. Pelaksanaan GST telah meluaskan asas percukaian (*broaden tax based*) dan meningkatkan kepatuhan oleh pembayar cukai. Seterusnya, langkah ini juga telah mengurangkan kebergantungan Kerajaan kepada hasil berasaskan petroleum. Ini penting memandangkan harga minyak mentah dunia adalah tidak menentu dan kejatuhan harga tersebut telah menjejaskan hasil Kerajaan. Pada masa ini, sumbangan hasil berkaitan petroleum kepada jumlah keseluruhan hasil telah berkurang daripada 41.3% pada tahun 2009 kepada 21.5% pada tahun 2015. Peratusan ini dijangka terus berkurang kepada 14.6% pada tahun 2016 dan 13.8% pada tahun 2017. Walaupun harga minyak yang rendah turut menyumbang kepada penurunan peratusan ini, namun dengan pelaksanaan GST, kutipan keseluruhan hasil adalah lebih stabil dan telah dapat menampung sebahagian besar pengurangan hasil berikutan

kesan perubahan harga minyak mentah dunia.

Oleh itu, pelaksanaan GST telah dapat mengekalkan kemampuan fiskal jangka panjang negara. Kedudukan fiskal yang kukuh akan mengekalkan daya tahan ekonomi negara serta menyokong pembangunan negara dalam jangka masa panjang. Walaupun Kerajaan komited dalam melaksanakan langkah pembaharuan fiskal (*fiscal reform*) sebarang langkah yang ingin diambil akan diperhalusi dengan teliti bagi mengimbangi kesejahteraan rakyat dengan keperluan untuk mengukuhkan kedudukan fiskal negara. Justeru, dengan mengambilkira pelaksanaan GST yang baharu memasuki tahun kedua, maka Kerajaan tidak bercadang untuk memansuhkan GST sebaliknya terus menambah baik pentadbiran dan penguatkuasaan GST negara.

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS TAHUN 2016
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YB TUAN M. KULASEGARAN

SOALAN : 212

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan :-

- (a) Semua projek atau skim Tanam Semula Komersial dan kelompok (TSK dan TSB) yang melibatkan penyertaan Orang Asli; dan
- (b) Sila menyatakan jumlah keluasan tanah, jenis tanaman, bilangan peserta dan jumlah dividen yang diterima oleh peserta-peserta Orang Asli untuk setiap skim tersebut setiap tahun mulai tahun 2010 sehingga sekarang.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah amat prihatin dan mengambil berat kebajikan masyarakat orang asli terutamanya dalam meningkatkan pendapatan orang asli. Sehingga Jun 2016, telah melaksanakan 194 projek Tanaman Semula Komersial (TSK) dan Tanam Semula Bantuan (TSB) yang merangkumi keluasan sebanyak 23,907.38 hektar yang melibatkan seramai 10,662 peserta.

Projek tanaman komersial (TSK) dilaksanakan dengan kerjasama agensi RISDA. Sebanyak 16 projek tanaman getah dengan keluasan 2,450.65 hektar dan 98 projek tanaman kelapa sawit dengan keluasan 13,598.91 hektar dilaksanakan. Projek Tanaman Semula Komersial (TSK) ini memberi faedah kepada 6,100 peserta Orang Asli dengan dividen dibayar sebanyak RM400 hingga RM1,000 sebulan bergantung kepada prestasi ladang dan harga komoditi getah dan kelapa sawit.

Tuan Yang Di Pertua,

Selain itu, Orang Asli juga menerima bantuan di bawah projek Tanam Semula Berkelompok (TSB) di bawah Agensi RISDA untuk menanam semula pokok getah yang tidak ekonomik. Sehingga kini sebanyak 80 projek TSB telah dilaksanakan dengan keluasan sebanyak 7,857.82 hektar. Projek-projek TSB ini diuruskan oleh peserta sendiri dan menerima pendapatan tetap sehingga RM800 sebulan. Bagi tahun 2016, sebanyak sembilan (9) projek telah dilaksanakan penanaman semula menerusi RISDA yang melibatkan keluasan sebanyak 544.98 hektar. Dijangka dengan pelaksanaan program ini akan meningkatkan pendapatan Orang Asli apabila ianya berhasil kelak.